



# AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 7 Tahun 2018

## PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERUBATAN DAN PENSYARAH PERGIGIAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### 1.0 TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan penerimaan pakai Pekeling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2016 mengenai pindaan skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Pengarah Universiti Ke – 157 bertarikh 14 Mac 2017 telah bersetuju menerima pakai Pekeling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2016 yang dikeluarkan bagi melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian yang sedang berkuatkuasa melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 mengenai Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saran Malaysia (SSM).
- 2.2 Majlis Sumber Manusia melalui mesyuarat MSM Kali Ke 21 bertarikh 26 Disember 2017 telah berkeputusan untuk memperakukan cadangan kriteria kenaikan pangkat gred baharu bagi Pensyarah Perubatan (Pakar) Gred DU55/56 dan Pensyarah Pergigian (Pakar) Gred DU55/56 sebagaimana cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam (JASUMA).
- 2.3 Lembaga Pengarah Universiti Ke – 162 bertarikh 31 Januari 2018 telah meluluskan cadangan kriteria kenaikan pangkat gred baharu bagi Pensyarah Perubatan (Pakar) Gred DU55/56 dan Pensyarah Pergigian (Pakar) Gred DU55/56 sebagaimana cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam (JASUMA).

### 3.0 PELAKSANAAN

3.1	Bil.	Kriteria
1	Istilah Pakar	Diwartakan sebagai Pakar dan menerima Elaun Bayaran Insentif Pakar (BIP)
2	Laluan Kerjaya	<p>a) Time-based 5 tahun di Gred DU/DUG 54 (tanpa gelaran) dan mencapai LNPT 85% bagi 3 tahun berturut – turut;</p> <p>b) Profesor Madya di Gred DU/DUG 53/54 dinaikkan secara automatik (one-off kepada staf)</p> <p>c) Kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred 56 berdasarkan Kecemerlangan (memenuhi syarat kenaikan pangkat Profesor Madya)</p> <p>*KKM meletakkan syarat sebagai pakar minima 5 tahun di gred semasa</p>
3	Tarikh Kuatkuasa Pelaksanaan Kenaikan Pangkat	Tarikh sehari selepas mesyuarat luluskan kenaikan pangkat.

3.2 Calon juga tertakluk kepada syarat – syarat lain kenaikan pangkat yang perlu dipenuhi seperti berikut :-

- (i) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) Telah menandatangani surat Aku Janji;
- (iii) Mencapai sekurang – kurangnya 80% markah minima perkhidmatan 3 tahun berturut – turut bagi laluan kerjaya berdasarkan kecemerlangan
- (iv) Bebas dari tindakan tatatertib;
- (v) Telah mengisyiharkan harta; dan
- (vi) Diperaku oleh Ketua Jabatan.

## **TARIKH DIKELUARKAN**


4.0 Pekeliling ini dikeluarkan pada 2 Ogos 2018.

## **TARIKH KUATKUASA**

5.0 Pekeliling ini berkuatkuasa 1 Januari 2017.

Sekian,

Yang benar,



**PROFESOR TS. DR. HJ. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN, FASc**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

*Dikelilingkan Kepada:*

*Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti / Akademi*

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)  
Tarikh : 2 Ogos 2018